



JABATAN PENDAFTAR • DEPARTMENT OF REGISTRAR

Rujukan : UKM.PDF.100-1/3/1

Tarikh : 29 Februari 2024

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 2/2024

Semua Warga
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

WAKTU BEKERJA BERPERINGKAT (WBB) SEPANJANG BULAN RAMADAN
BAGI TAHUN 2024M/1445H

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas dan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Waktu Bekerja Versi 1.0 (2022) adalah berkaitan.

2. Sehubungan dengan itu, bagi tujuan pelaksanaan waktu bekerja berperingkat sepanjang bulan Ramadan, warga Universiti yang ingin mengubah Waktu Peringkat (WP) daripada WP1/WP2/WP3/WP4 kepada WP5/WP6/WP7/WP8 hendaklah mengisi borang yang telah ditetapkan (seperti di Lampiran) dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan bagi tujuan perekodan seperti berikut:

WAKTU PERINGKAT	HARI	WAKTU BEKERJA	WAKTU REHAT
WP5	Isnin - Jumaat	7.30 pagi - 4.00 petang	Isnin - Khamis 1.00 petang - 1.30 petang
WP6		8.00 pagi - 4.30 petang	
WP7		8.30 pagi - 5.00 petang	Jumaat 12.30 tengahari - 2.30 petang
WP8		9.00 pagi - 5.30 petang	

3. Bagi perkhidmatan kaunter yang perlu dibuka secara berterusan, Ketua Jabatan boleh membuat penyesuaian kepada waktu rehat pegawai dengan syarat masa rehat pegawai diganti pada hari yang sama.

4. Pihak Universiti mengharapkan pelaksanaan pengurangan waktu rehat ini tidak menjejaskan aktiviti dan operasi sistem penyampaian perkhidmatan awam sepanjang bulan Ramadan kerana pelaksanaan ini tidak mengubah tempoh waktu bekerja perjawat awam sedia ada.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: www.ukm.my/pendaftar

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

5. Bersama-sama ini, dilampirkan **infografik** dan **borang pemilihan WP** bagi bulan Ramadan untuk tindakan selanjutnya. Sebarang maklumat lanjut, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/ Tuan/Puan boleh menghubungi Cik Najatulmuna Hamdan, Ketua Penolong Pendaftar/ Ketua, Bahagian Pentadbiran & Kemudahan, Jabatan Pendaftar atau Puan Suhana Bahtiar, Pembantu Tadbir (P/O) N22, Bahagian Pentadbiran & Kemudahan, Jabatan Pendaftar melalui talian : 03-8921 5075 atau e-mel : kbpk@ukm.edu.my.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"ILMU, MUTU DAN BUDI"

Yang benar,



DATO' DR. SYED KAMARUDIN BIN HJ. SADAKKUTHULLA
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
 - Pengarah, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani
 - Hospital Pakar Kanak-kanak, UKM



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: www.ukm.my/pendaftar

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my